

# Pahang tutup semua tapak perkhemahan berisiko tinggi

**Kuantan:** Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) menutup semua tapak perkhemahan berhampiran sungai dan lokasi berisiko tinggi termasuk lereng bukit serta air terjun berkuat kuasa serentak-merta sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

JPNP menerusi satu kenyataan di akaun Facebook rasminya memaklumkan keputusan itu dibuat susulan ramalan hujan lebat berterusan dijangka berlaku sepanjang Monsun Timur Laut (MTL) selain mengambil iktibar kejadian tanah

runtuh berhampiran tapak perkhemahan di Batang Kali, Selangor pada awal pagi kelmarin.

“  
**Penutupan ini melibatkan semua tapak perkhemahan diuruskan JPNP dan operator swasta**  
Kenyataan JPNP

“Penutupan ini melibatkan semua tapak perkhemahan yang diuruskan JPNP dan operator swasta seperti di Taman Eko-Rimba Lubuk Yu, Maran dan Taman Eko-Rimba Parit Falls, Cameron Highlands.

“Sepanjang musim tengkujuh ini, orang ramai dinasihatkan supaya tidak melakukan sebarang aktiviti rekreasi di kawasan berisiko tinggi bagi mengelakkan kejadian tidak diingini,” menurut kenyataan itu.